

SAMY AKAN PENJELASAN

KUALA LUMPUR
8 JUN — Presiden MIC, Dato' Sri S. Samy Vellu diminta memberi penjelasan kepada kabinet berhubung penjualan saham Telekom Malaysia yang diperuntukkan kepada Maika Holdings, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penjelasan itu akan dibuat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos itu pada mesyuarat kabinet minggu depan selepas beliau kembali dari Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusi-

kan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, beliau mungkin akan mengulas mengenai isu itu setelah mendapat penjelasan dari Samy Vellu nanti.

Ditanya mengenai kenyataan Samy Vellu hari ini bahawa beliau telah menjelaskan mengenai penjualan sembilan juta saham itu, kepada Perdana Menteri dan menurutnya Perdana Menteri berpuas hati dengan penjelasan itu, Dr. Mahathir berkata:

"Saya kena tahu dari beliau dulu kerana ini laporan dalam akhbar ...payah hendak komen."

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, Presiden MIC itu telah menemui beliau banyak kali tetapi tidak tahun 'yang mana satu dimaksudkan.'

LIHAT MUKA 2

DIMINTA BERI
— PM

Samy akan diminta beri penjelasan

Apabila diajukan lagi beberapa pertanyaan yang berkaitan, Dr. Mahathir berkata, beliau enggan membuat sebarang ulasan kepada media selagi belum mendengar penjelasan Samy Vellu.

Semasa bercakap kepada para pemberita di Shah Alam semalam Samy Vellu mendakwa beliau sudah, memaklumkan kepada Perdana Menteri ke manakah segala wang keuntungan jualan sembilan juta saham Telekom itu digunakan dan usaha-usaha yang dilakukan untuk pembangunan Kolej Teknik dan Pendidikan lanjutan (TAFE) milik MIC di Seremban.

Menurut Samy Vellu, Perdana Menteri berpuas hati dengan penjelasan itu.

Inilah reaksi pertama Dr. Mahathir berhubung isu tersebut yang begitu panas semasa ketiadaan Perdana Menteri kerana bercuti di luar negara baru-baru ini.

Isu tersebut mula mendapat perhatian apabila pertengkaran sengit tercetus antara Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang dan Samy Vellu di Dewan Rakyat pada 15 Mei lalu sehingga Dewan terpaksa ditangguh.

Samy Vellu dalam kenyataannya sebelum ini berkata, hasil jualan sembilan juta saham itu digunakan untuk penubuhan Kolej Teknik dan Pendidikan Lanjutan (TAFE), di Seremban.

Kesemua saham itu yang urusan penawarannya dibuat ketika Tun Daim Zainuddin

menjadi Menteri Kewangan, diberikan kepada Maika, tetapi Maika hanya membeli satu juta sahaja atas alasan tidak mampu membeli kesemuanya.

Sembilan juta saham yang ditolak oleh Maika diberikan kepada tiga buah syarikat sendiri berhad - SB Management Sdn. Bhd., Clear Way Sdn. Bhd. dan Advanced Personel Computer Sdn. Bhd.

Pada ketika ini sembilan juta saham itu dianggarkan bernilai \$71 juta pada harga pasaran.

DAP pula mendakwa berlaku penyelewengan dalam pemindahan sembilan juta daripada 10 juta saham Telekom yang diperuntukkan oleh Perbendaharaan kepada Maika Holdings.

Menurut Lim Kit Siang, dua daripada syarikat yang menerima saham sembilan juta itu merupakan syarikat yang hanya mempunyai modal berbayar dua ringgit.

Isu tersebut yang kini disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah terus 'berangkai' apabila S. Vell Parri, anak Samy Vellu didakwa oleh DAP menjadi pengarah urusan salah sebuah syarikat itu di samping sanak saudara beliau.

Bagaimanapun Samy Vellu menafikan dakwaan tersebut dan meminta BPR menyasat perkara itu bagi menentukan kedudukan sebenar.